

UUM ONLINE: Seramai 10 pegawai daripada Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP), Kementerian Pelajaran Malaysia, Kuala Lumpur, Cawangan Perlis, Kedah dan Pulau Pinang telah berkunjung ke Uniutama Management Holding Sdn Bhd (UMHSB), baru-baru ini.

Kunjungan yang diketuai oleh Ketua Unit Program Sejarah, Mohd Azemi Mohd adalah bertujuan untuk membincangkan kerjasama di antara Uniutama Film Centre (Unifilm), UMHSB, Program Teknologi Multimedia dan BTP mengenai penggambaran video bagi mata pelajaran Sejarah.

Menurut Mohd Azmi, globalisasi mewujudkan pendekatan alternatif yang memudahkan masyarakat mendalami pelbagai bidang ilmu termasuk sejarah melalui bacaan buku, internet dan akhbar malangnya tidak ramai generasi muda yang meminati sejarah.

Menyedari hakikat itu, beliau menegaskan pendekatan yang lebih segar amat penting bagi menarik mereka untuk memahami sejarah dengan lebih baik.

"Sejarah sangat penting kerana melaluinya kita tahu asal-usul, menjadi pengajaran dan membentuk jati diri. Tanpa asas yang kukuh dalam sejarah membuatkan kita sukar memahami dengan jelas peristiwa dan pertikaian yang berlaku," ujarnya.

Jelasnya, penggambaran video ini akan menggunakan sukatan mata pelajaran Sejarah yang sedia ada dan projek ini bakal menjadi isu nasional kerana akan ditayangkan ke stesen televisyen Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan TV Pendidikan sekaligus mempromosikan nama Universiti Utara Malaysia (UUM).

Dalam pada itu, Pengarah Unifilm, Drs. Bambang Suhartono Mohd Said berharap kerjasama antara UUM dan BTP akan memberi impak yang berkesan dalam membentuk masyarakat yang celik sejarah.

Sejurus selepas perbincangan, pihak BTP turut meluangkan masa melawat Pejabat Unifilm untuk berkongsi idea dan pengalaman.

=====

DARIPADA:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my